

| | | | |
|------------|-------------------------------------|-------------|---------------------|
| Headline | Wajib pasang perangkap nyamuk solar | | |
| MediaTitle | Berita Harian | Color | Full Color |
| Date | 06 Sep 2016 | Circulation | 125,514 |
| Section | Nasional | Readership | 947,000 |
| Page No | 5 | ArticleSize | 690 cm ² |
| Language | Malay | AdValue | RM 23,785 |
| Journalist | Mohd Nasaruddin Parzi | PR Value | RM 71,355 |
| Frequency | Daily | | |



Wajib pasang perangkap nyamuk solar

→ Langkah kurangkan kes denggi, zika di perumahan, taman rekreasi

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi

bhnews@bh.com.my

■ Petaling Jaya

Berkuat kuasa serta merta, semua projek baharu perumahan dan kerja menaik taraf kawasan rekreasi diwajibkan memasang perangkap nyamuk solar.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar, berkata langkah itu diambil bagi mengurangkan kes demam denggi dan mencegah penularan virus zika di negara ini.

Beliau berkata, kawasan perumahan, termasuk tapak pembinaan perumahan baharu dan taman

rekreasi dikenal pasti menjadi lokasi berpotensi tinggi pembiakan serangga terutama nyamuk.

"Kita akan keluarkan surat pekeliling kepada semua pemaju dan syarikat perumahan. Kalau pemantauan kita dapati mereka gagal (pasang perangkap nyamuk solar), kita akan kenakan denda atau lesen mereka (pemaju) digantung," katanya.

Ambil tanggungjawab

Beliau turut menggesa semua kerajaan negeri, terutama pihak berkuasa tempatan (PBT) sama-sama mengambil tanggungjawab itu.

Terdahulu, Noh mengadakan pertemuan dengan penduduk Projek Perumahan Rakyat (PPR) di Taman Medan Cahaya, Taman Medan di sini, selain umum peruntukan RM1 juta bagi menaik taraf padang di kawasan perumahan

milik Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) itu.

Beliau turut mengumumkan penubuhan satu jawatankuasa khas Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) membabitkan Jabatan Kesihatan, Jabatan Kerja Raya dan Tenaga Nasional Bhd (TNB) bagi meneliti permasalahan penduduk

kawasan itu.

"Di Selangor kita sudah tubuhkan dua jawatankuasa NBOS, kita buat juga di Johor, Tanjung Malim (Perak) dan Sabah. Kita mahu masalah penduduk di kawasan perumahan di bawah kendalian kerajaan pusat seperti ini diselesaikan dan kita sediakan peruntukan yang perlu," katanya.

Dalam pada itu, Noh menjelaskan kegagalan kerajaan Selangor mengurus sisa pepejal secara sistematis biarpun sudah mentadbir negeri sejak lapan tahun lalu kini mengundang kebimbangan baharu kepada penularan virus zika.

Beliau berkata, jika dilihat usaha mereka membendung nyamuk aerdes, ternyata prestasinya lemah, apatah lagi kerajaan pimpinan Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali setakat hari ini masih enggan menerima pakai Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672).

"Sekarang ini Selangor berada di kedudukan paling atas bagi kes denggi di Malaysia. Datang pula (virus) zika yang juga dari nyamuk, ini sudah pasti membimbangkan. Maka kena ada tindakan," katanya.

| | | | |
|------------|-------------------------------------|-------------|---------------------|
| Headline | Wajib pasang perangkap nyamuk solar | | |
| MediaTitle | Berita Harian | Color | Full Color |
| Date | 06 Sep 2016 | Circulation | 125,514 |
| Section | Nasional | Readership | 947,000 |
| Page No | 5 | ArticleSize | 690 cm ² |
| Language | Malay | AdValue | RM 23,785 |
| Journalist | Mohd Nasaruddin Parzi | PR Value | RM 71,355 |
| Frequency | Daily | | |

Fakta
nomor

RM53 JUTA

diperuntukkan kepada PBT naik taraf taman dan kawasan rekreasi di seluruh negara

RM3.5 JUTA

diperuntukkan kepada PBT di Selangor naik taraf taman dan kawasan rekreasi

RM8.5 JUTA

diperuntukkan kepada PBT Selangor khas bagi kawal dan cegah denggi

Info

Perangkap nyamuk solar

- Berfungsi menarik tumpuan nyamuk dan serangga
- Dilengkapi dua lampu LED
- Mengandungi bateri boleh dicas semula
- Menggunakan kuasa tenaga solar
- Selamat kepada alam sekitar
- Lampu boleh bekerja lebih 8 jam
- Boleh diletak atas tanah dan pemegang logam atau digantung
- Mudah dibawa ke mana-mana



[FOTO SAIRIEN NAFIS/BH]



Noh melihat takungan air di atas kereta terbengkalai yang boleh mengundang pembiakan jentik-jentik di pangaspuri SPNB, Taman Medan.

| | | | |
|------------|---|-------------|---------------------|
| Headline | Kemelut FAS rugikan bola sepak Selangor | | |
| MediaTitle | Utusan Malaysia | Color | Full Color |
| Date | 06 Sep 2016 | Circulation | 171,663 |
| Section | Sukan | Readership | 563,000 |
| Page No | 38 | ArticleSize | 174 cm ² |
| Language | Malay | AdValue | RM 3,439 |
| Journalist | N/A | PR Value | RM 10,317 |
| Frequency | Daily | | |



Kemelut FAS rugikan bola sepak Selangor

SHAH ALAM 5 Sept. - Tindakan Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali yang dilihat seolah-olah tidak bersungguh-sungguh untuk menyelesaikan kemelut dalaman Persatuan Bolasepak Selangor (FAS) hanya akan membantutkan perkembangan sukan itu di negeri ini.

Pengerusi Kelab Sukan dan Rekreasi Parlimen Tanjung Karang, Maruwan Ahmad berkata, sikap sedemikian seperti menunjukkan yang Mohamed Azmin tidak serius mahu memajukan bola sepak tempatan.

Sehubungan itu jelasnya, adalah lebih baik Mohamed Azmin berundur dan menyerahkan tumpuk kepimpinan FAS kepada individu yang lebih layak dan boleh memberi komitmen 100 peratus.

"Jika mesyuarat exco FAS pun payah nak hadir, apa lagi nak buat perancangan. Lebih baik berundur dan beri ruang kepada orang lain.

"Kemelut yang melanda pengurusan FAS kini semakin meruncing sehingga menjelaskan prestasi pasukan.

"Jika dibiarkan lebih lama, dibimbangi akan menjadi semakin parah dan pasukan Red Giants yang menjadi kebanggaan rakyat Selangor 'berkubur'," katanya ketika dihubungi Utusan Malaysia di sini, hari ini.

Semalam, beberapa persatuan penyokong Red Giants berharap FAS ditransformasi bermula dengan pengunduran Mohamed Azmin dan melantik Raja Muda, Tengku Amir Shah menggantikannya.

Maruwan dalam pada itu turut menyokong supaya FAS melakukan perubahan menyeluruh termasuk melantik Tengku Amir sebagai Presiden FAS.

"FAS kini memerlukan satu perubahan menyeluruh termasuklah pengurusan dan pemain.

"Saya yakin Tengku Amir adalah orang yang paling tepat untuk menjadi Presiden FAS dan biarkanlah Mohamed Azmin berpolitik sahaja.

"Kami sebagai penyokong sentiasa menantikan kemenangan Red Giants dan sanggup berhabis-habisan untuk menyaksikan perlawanan mereka di seluruh negara, tetapi kesabaran kami ada batasnya," ujarnya.

Sementara itu, menurut sumber bekas Presiden FAS, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim bakal mengadakan pertemuan dengan beberapa individu daripada badan induk bola sepak tersebut esok bagi membincangkan kemelut yang dihadapi oleh mereka.

"Tan Sri akan mengadakan perjumpaan dengan beberapa individu esok," kata sumber tersebut.



| | | | |
|------------|------------------------|-------------|---------------------|
| Headline | AEDES, DENGGI DAN ZIKA | | |
| MediaTitle | Utusan Malaysia | Color | Full Color |
| Date | 06 Sep 2016 | Circulation | 171,663 |
| Section | Dlm Negeri | Readership | 563,000 |
| Page No | 12 | ArticleSize | 468 cm ² |
| Language | Malay | AdValue | RM 9,250 |
| Journalist | N/A | PR Value | RM 27,749 |
| Frequency | Daily | | |



AEDES, DENGGI DAN ZIKA



HANGAT diperkatakan sekarang ini adalah berkenaan dengan virus zika dan nyamuk aedes sebagai pembawanya. Mengapa zika sangat ditakuti? Zika mencacatkan zuriat dan merosakkan generasi akan datang. Demam dan selesma sedikit sahaja, tahu-tahunya anak yang lahir tidak sempurna. Memang benar tiada simptom yang ketara atau tandatanda yang perlu diberi perhatian. Tiada juga vaksinasi pencegahan, tiada ubat untuk dimakan malahan virus dapat tinggal beberapa lama dalam badan.

Dan yang paling ketara secara global adalah kurangnya pengetahuan berkenaan virus dan penyakit ini serta kesannya terhadap manusia. Satu musibah besar sebenarnya yang sekarang ini melanda negara kita dan dunia. Satu demi satu. Masihkah kita belum juga sedar?

Aedes sebenarnya adalah nyamuk yang malas. Ia terbang tidak jauh hanya sekitar 100 hingga 200 meter sahaja. Sekiranya ada makanan iaitu darah untuk dihisap lagilah ia malas untuk ke mana-mana. Ia akan hanya berlegar di kawasan kecil itu sahaja. Tetapi trend terkini ia boleh menumpang tempat, hendak ke tempat tinggi ia menumpang naik dengan lif, untuk bergerak ke kawasan lain misalnya ia hanya perlu menumpang kereta atau bas. Ini adalah satu fakta yang perlu kita ketahui.

Tidak terkira wang yang dilaburkan selama ini. Banyak wang yang telah pun dibelanjakan untuk membanteras aedes ini namun masih gagal. Mengapa masih gagal? Lihatlah bilangan kes yang dicatatkan daripada statistik negara kita. Peningkatan kes hari demi hari. Mengapakah saban tahun memerangi nyamuk aedes ini tidak

menampakkan pengurangannya?

Javapannya ada pada diri kita sendiri. Tidak salah jika kita katakan warga Malaysia, warga pengotor, marah dan malu diperkatakan sebeitu juga sukar untuk ditelan. Tetapi tak salah juga apabila kita katakan itu juga adalah satu hakikat, atau hakikat yang telah membudaya di dalam diri sebahagian besaividu negara ini.

Pehatikan sekitar kita, sampah bertəuran di kawasan yang terpacak jepan tanda "Dilarang Membuang Sampah", sampah-sampah yang berselerakkan selepas pasar malam, tikus yang sebesar kucing di kawasan pasar borong dan kawasan sekitarnya, longkang-longkang yang tersumbat dan banyak lagi jika ditulis satu persatu.

K gagalan kita dalam mengawal tempat pembiakan nyamuk tersebut maka penyakit-penyakit yang dibawanya semakin berleluasa seperti denggi, chikungunya dan yang terbaru menakutkan adalah zika. Pembawa yang sama, tetapi nyamuk aedes. Pelbagai kempen telah dijalankan. Banyak dari kita yang masih belum sedar. Kita gagal setakat ini.

Untuk mengekalkan dan memperbaiki dalam menikmati nilai sihat ini, rakyat Malaysia perlu berubah. Berubah dari dalam setiap individu. Berubah dari dalam diri dan unit keluarga. Titik mula di situ kerana jawapananya memang ada pada diri kita sendiri. Perubahan melalui hati akan membawa kejayaan dan hari ini kita mula dengan langkah pertama demi mengubah satu budaya. Jadih kita masyarakat pembersih dan sihat.

Sekiranya sesiapa di dalam rumah itu dijangkiti penyakit yang dibawa oleh aedes, apa yang perlu dilakukan terlebih dahulu dan yang paling utama adalah mencari tempat pembiakkannya di dalam rumah itu sendiri dan sekitarnya terlebih dahulu. *Fogging* penting tetapi ia tetap jatuh nombor dua. Segeralah membersihkan rumah

dan bukan menuding jari ke rumah jiran. *Fogging* tidak berkesan atau sebagainya kerana aedes malas terbang dan tidak perlu terbang jauh-jauh. Itu sebabnya tidak mustahil dan seringkali berlaku selepas kakak masuk hospital kemudian bergilir dengan adiknya pula. Ini juga adalah fakta.

Oleh itu, bagaimana perubahan ini boleh dilakukan adalah dengan memulakan dengan gotong royong isi rumah. Carilah semua tempat pembiakan nyamuk aedes ini sehingga ke lubang cacing. Musnahkan kesemuanya.

Musnahkan semua botol kosong serta bekas yang boleh menakung air, membersihkan longkang saliran sebagai contoh adalah sesuatu yang amat mudah dilakukan. Ini hanya memerlukan 10 hingga 15 minit sehari untuk pembersihan di dalam serta luar rumah. Luangkan hanya sedikit masa untuk kekalkan persekitaran rumah bersih.

Pihak berkuasa tempatan (PBT) perlu melaksanakan tanggungjawab dengan lebih berkesan. Pengurusan longkang serta saliran perlu dipertingkatkan. Sistem pengurusan sampah perlu diperbaiki dan harus dipastikan lebih efisien dari sedia ada.

Pembuangan sampah domestik dan yang penting juga sampah pukal seperti sofa, almari dan meja lama oleh penduduk perlu diperbaiki. Perlu ada jalan penyelesaian untuk rumah-rumah tinggal atau projek-projek yang terbengkalai yang mana adalah potensi besar dalam menternak aedes ini.

Nescaya jika langkah mula ini dapat dilakukan secara berterusan serta istiqomah kita boleh mengubah budaya bangsa kita kepada bangsa pembersih. Justeru, aedes, denggi dan zika dapat dibanteras. Semoga kita serta generasi yang akan datang kekal sihat. Nikmat sihat yang tidak boleh dibeli dengan wang ringgit. Kebersihan itu sebahagian daripada iman.

DR. DAHLIA DAHNIL S. ialah Naib Setiausaha Pertubuhan Doktor-doktor Islam

| | | | |
|------------|------------------------|-------------|---------------------|
| Headline | AEDES, DENGGI DAN ZIKA | | |
| MediaTitle | Utusan Malaysia | | |
| Date | 06 Sep 2016 | Color | Full Color |
| Section | Dlm Negeri | Circulation | 171,663 |
| Page No | 12 | Readership | 563,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 468 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 9,250 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 27,749 |

Malaysia (Perdim)



LAN(KAH membanteras tempat pembiakan nyamuk aedes masih gagal berikutan tabia rakyat yang pengotor seperti dipamerkan selepas perbarisan Hari Kebangsaan 2016 di Kuala Lumpur pada Rabu lalu. - GAMBAR HIASAN/IHSAN DBKL

VALUATOR

| Company(Brand) | Mention | Tone | ROI |
|---|---------|------|------|
| Kuala Lumpur City Hall (Kuala Lumpur City Hall) | 1 | 0 | RM 0 |
| Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) (Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)) | 2 | 0 | RM 0 |
| Public transport - Buses (Public transport - Buses) | 1 | 0 | RM 0 |

GIST(ENGLISH)

N/A

| | | | |
|------------|---------------------------------|-------------|---------------------|
| Headline | Fokus isu naik taraf Jalan Reko | | |
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 06 Sep 2016 | Color | Full Color |
| Section | Nasional | Circulation | 279,000 |
| Page No | 40 | Readership | 837,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 282 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 4,810 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 14,431 |



Fokus isu naik taraf Jalan Reko

Adun, agensi berkaitan turun padang lihat permasalahan penduduk sempena program Walkabout 4.0

KAJANG – Adun Bangi, Shafie Ngah bersama beberapa agensi antaranya, Jabatan Kerja Raya, Majlis Perbandaran Kajang, Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor turun padang melihat permasalahan serta aduan penduduk di sekitar Sungai Tangkas dan Alam Sari.

Shafie berkata, program siri Walkabout 4.0 itu turut dilaksanakan bersama persatuan penduduk di kawasan tersebut.

"Tujuan kita adalah untuk mempertingkatkan perkhidmatan kepada masyarakat terutama aduan yang masih belum selesai."

"Aduan yang dibangkitkan oleh penduduk di kawasan ini adalah berkenaan kesesakan lalu lintas di laluan utama Jalan Reko, jalan tersebut kini dalam projek naik taraf," katanya.

Menurutnya, pihak berkuasa serta agensi terlibat telah melaksanakan tugas sebagaimana yang diamanahkan kepada mereka.

"Tetapi ada beberapa perkara yang belum selesai sehingga mengakibatkan keresahan orang awam dan penduduk.

Banyak aduan yang kita terima, kita akan cuba selesaikan isu tersebut secepat mungkin," katanya.

Shafie berkata, pihaknya difahamkan projek naik taraf itu telah melebihi tempoh 300 hari daripada jadual asal.

"Ini adalah berkaitan isu pengambilan tanah yang belum selesai, tetapi atas inisiatif Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali turun di kawasan ini pada tahun lalu, kerajaan negeri telah memperuntukkan lebih RM50 juta untuk pengambilan tanah dan pengalihan utiliti."

"Kita jangka pertengahan tahun depan isu pelebaran jalan ini selesa," katanya.

Pada tahun 2012, Kerajaan Negeri Selangor turut mengumumkan peruntukan sebanyak RM80 juta bagi naik taraf jalan dan pemasangan lampu antara Jalan Reko dari Kajang ke Jalan

Bangi menuju Pekan Bangi.

Sebelum ini juga, sebanyak RM250,000 melalui Geran Selangorku diperuntukkan bagi pemasangan 70 lampu jalan di laluan itu bagi tujuan keselamatan.



Shafie (tiga, kiri) bersama wakil penduduk dan agensi berkaitan melihat perkembangan projek naik taraf Jalan Reko.

| | | | |
|------------|--------------------------------|-------------|---------------------|
| Headline | Ringankan beban mangsa konflik | | |
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 06 Sep 2016 | Color | Full Color |
| Section | Nasional | Circulation | 279,000 |
| Page No | 38 | Readership | 837,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 111 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,893 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 5,680 |



Ringankan beban mangsa konflik

SHAH ALAM - Hari Kemanusiaan Sedunia bertemakan 'One Humanity' merenung kembali tanggungjawab bagi meringankan beban penderitaan mereka yang paling lemah di antara umat manusia.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berkata, ia juga hari untuk menghargai individu yang membahayakan dan mengorbankan diri sendiri dalam memberikan bantuan kemanusiaan.

Menurutnya, tema tahun ini merangkumi keperluan mendesak ke atas semua merentasi sempadan politik, agama dan perkauman untuk berdiri bersama.

"Ia juga meminta kita melakukan yang terbaik dalam memberikan bantuan kepada jutaan manusia di seluruh dunia."

"Wabak kebuluran, perang dan kemiskinan meminggirkan jutaan manusia yang akhirnya berada di kem-kem pelarian dan tiada akses kepada keperluan yang paling asas," katanya.

Katanya, semua pihak perlu percaya kepada kehormatan dan kekudusan nyawa setiap manusia.

"Justeru, kita perlu melaksanakan bahagian kita bersama untuk meringankan penderitaan mangsa konflik, keganasan dan kemasuhan bencana alam," katanya.



MOHAMED AZMIN

| | | | |
|------------|--|-------------|---------------------|
| Headline | Tiada kompromi usaha pencegahan virus Zika | | |
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 06 Sep 2016 | Color | Full Color |
| Section | Nasional | Circulation | 279,000 |
| Page No | 36 | Readership | 837,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 181 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 3,087 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 9,261 |



Tiada kompromi usaha pencegahan virus Zika

KLANG - Walaupun kes pertama virus Zika yang dilaporkan baru-baru ini adalah kes import, Majlis Perbandaran Klang (MPK) akan meneruskan kerja-kerja pencegahan dan kawalan seperti biasa.

Pengarah Kesihatan MPK, Azmi Muji berkata, ia berikutnya Klang mencatatkan kawasan tinggi kes demam dengan dan puncanya adalah nyamuk aedes, sama seperti Zika.

"Kami akan teruskan sebab Zika dan denggi, jenis nyamuk terlibat adalah sama. Tambahan, kawasan Klang ni mencatatkan banyak kes denggi terutamanya di Taman Sentosa dan Kota Pandamar.

"Tindakan dibuat bukan hanya berdasarkan kes, tapi juga aduan. Jika ada yang buat aduan banyak nyamuk di kawasan mereka, kita akan bertindak," katanya selepas Program Gotong Royong Kebersihan Ad-Hoc di lokalkiti rumah kes mangsa Zika, Taman Botanic, kelmarin.

Katanya, program tersebut melibatkan kira-kira 822 unit rumah yang diduduki di kawasan Ambang Botanic dengan kerjasama lebih 20



Exco Kesihatan Negeri, Dr Darayah Alwi (tengah) turut memeriksa kolam hiasan di rumah penduduk.

kakitangan.

"Setakat ni MPK bersama Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Klang memasang 'obi trap' untuk mengesan jumlah nyamuk di kawasan ni."

"Kedua, langkah pemusnahan kawasan pembiakan di seluruh kawasan dan seterusnya proses pengaspalan atau 'fogging' untuk membunuh nyamuk-nyamuk tersebut selain program gotong royong," katanya.

Azmi berkata, keluarga terdekat mangsa disahkan negatif Zika melalui ujian da-

rah yang dilakukan dan ujian seterusnya akan dilakukan ke atas kenalan yang ditemui selepas pulang dari Singapura 21 Ogos lalu.

Pada masa yang sama, Ahli majlis Ambang Botanic, Robert Choo, berkata, dia sering bertemu dengan penduduk dan berkongsi maklumat tentang pencegahan aedes.

"Sebagai ahli majlis saya sentiasa bekerjasama dengan penduduk di sini dan sentiasa beri peringatan supaya jangan simpan air bertakung dalam dan luar rumah," katanya.

| | | | |
|------------|---------------------------------------|-------------|--------------------|
| Headline | Kerajaan Selangor perlu campur tangan | | |
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 06 Sep 2016 | Color | Black/white |
| Section | Nasional | Circulation | 279,000 |
| Page No | 35 | Readership | 837,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 54 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 532 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 1,595 |



Kerajaan Selangor perlu campur tangan

SHAHALAM- Jawatankuasa Sokongan Penduduk Pembangunan Berstrata (JSPPB) Selangor menggesa Kerajaan Selangor campur tangan berhubung dakwaan mengatakan Pesuruhjaya Bangunan (COB) di pihak berkuasa tempatan (PBT) akan menjaga satu blok Program Perumahan Rakyat (PPR) Lembah Subang.

Setiausaha penajanya, Ariffin Mahaiyuddin berkata, pihaknya memperoleh maklumat Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan berhasrat melakukan transformasi terhadap PPR tetapi ia perlu menggunakan kakitangan dan peruntukan baharu daripada kerajaan persekutuan.

"Tidak wajar 'mencuri' kakitangan dan peruntukan daripada PBT kerana COB-COB di Selangor mempunyai tugas penting menguruskan dan menyelesaikan masalah di pembangunan berstrata di negeri ini.

| | | | |
|------------|--------------------------------|-------------|---------------------|
| Headline | Warta tanah sebagai pusat desa | | |
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 06 Sep 2016 | Color | Full Color |
| Section | Nasional | Circulation | 279,000 |
| Page No | 41 | Readership | 837,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 499 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 8,512 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 25,536 |



Warta tanah sebagai pusat desa

Penduduk rayu kerajaan negeri tidak bangunkan tanah itu untuk tujuan projek pembangunan lain

SUNGAIYU – Jawatankuasa Bertindak Penduduk Kampung Sungai Yu memohon keprihatinan kerajaan negeri supaya dapat mengekalkan tanah seluas 12.8 hektar yang dirancang untuk pusat desa kampung itu sejak 1997.

Urusetia Jawatankuasa Bertindak Penduduk Kampung Sungai Yu, Mohd Herwan Mohamed Said berkata, pihaknya merayu kepada kerajaan negeri supaya tidak membangunkan tanah itu untuk tujuan projek pembangunan lain.

Menurutnya, jawatankuasa ini memohon tanah itu dikekalkan sebagai pusat desa kerana kemudahan seperti itu amat diperlukan golongan muda dan generasi akan datang.

“Untuk makluman, keperluan pusat desa itu seiring dengan pembangunan dengan mengambil kira keluasan kampung, taman perumahan dan kepadatan penduduk.

“Bahkan pembangunan pusat desa yang dirancang sebelum ini menepati ke-

pentingan penduduk yang bakal meliputi kemudahan awam seperti pusat rekreasi, sekolah, klinik, pondok polis dan projek industri kampung,” katanya.

Mohd Herwan berkata, rayuan ini dibangkitkan apabila difahamkan tanah itu mahu dibangunkan untuk tujuan projek pem-

bangunan perumahan sekali gus menimbulkan keimbangan penduduk.

“Oleh itu, Jawatankuasa Bertindak Penduduk Kampung Sungai Yu memohon kerajaan negeri supaya dapat mewartakan tanah itu sebagai Pusat Desa Kampung Sungai Yu.

“Pewartaan tanah itu penting bagi mengekalkan tapak sekali gus membangunkan pusat desa untuk kepentingan dan kemudahan penduduk pada masa akan datang.

“Memorandum turut diberikan kepada Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamed

Azmin Ali dan Pegawai Daerah Kuala Selangor, Shamsul Shahril Badliza Mohd Noor,” katanya.

Sementara itu, Adun Permatang, Datuk Sulaiman Abd Razak berharap kerajaan negeri dapat memberi perhatian terhadap permohonan penduduk yang mahu tapak itu dikekalkan untuk pusat desa.

“Saya dimaklumkan, usaha penduduk tanpa mengira kaum dan fahaman parti politik itu mahu kerajaan negeri mengekalkan tapak pusat desa meskipun tapak itu belum dibangunkan sepenuhnya untuk kemudahan awam.

“Setakat ini baru ada dewan kecil dan belum dibangunkan sepenuhnya seperti yang dirancang sebelum ini yang lengkap dengan kemudahan pusat rekreasi, sekolah, klinik, pondok polis dan projek industri kampung.

“Sudah ada perancangan yang jelas untuk menuhi keperluan kampung bagaimanapun penduduk bimbang kerana

ada ura-ura yang mengatakan tanah itu akan dibangunkan untuk tanah gantian penempatan setinggan.

“Saya tidak tahu sejauh mana kebenaran itu bagaimanapun penduduk berharap kerajaan negeri dapat mewartakan tanah itu sebagai pusat desa...suara rakyat ini perlu didengari kerana mereka dapat memerintah hasil undian rakyat.

“Bagi saya, tidak wajar tanah itu dibangunkan untuk tujuan penempatan kerana masih ada tanah kosong lain yang sesuai dan tak perlulah nak guna tanah yang sudah dirancang untuk kegunaan kampung.

“Saya sudah lihat banyak dasar kerajaan negeri yang mengambil alih tanah penduduk untuk tujuan pembangunan dan saya harap isu ini dapat diberi perhatian sebaiknya,” katanya.



SULAIMAN

| | | | |
|------------|--------------------------------|-------------|---------------------|
| Headline | Warta tanah sebagai pusat desa | | |
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 06 Sep 2016 | Color | Full Color |
| Section | Nasional | Circulation | 279,000 |
| Page No | 41 | Readership | 837,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 499 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 8,512 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 25,536 |



Mohd Herwan (kiri) menunjukkan memorandum kepada Azmin supaya Pusat Desa Kampung Sungai Yu dapat dikekalkan.



Mohd Herwan (kanan) menyampaikan memorandum kepada Pegawai Daerah Kuala Selangor, Shamsul Shahril Badliza Mohd Noor berhubung isu sama.

87,229 calon duduki UPSR di Selangor



Seramai 125 calon UPSR 2016 Sekolah Kebangsaan Pelabuhan Klang mengaminkan doa sebelum menduduki peperiksaan itu, semalam.-Bernama

SHAH ALAM - Jumlah calon Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) 2016 meningkat 0.35 peratus berbanding tahun lalu.

Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Selangor, Mohd Salleh Mohd Kassim berkata, ia melibatkan seramai 87,229 calon termasuk 22 calon hospital dari 10 daerah seluruh Selangor.

"Tahun lalu hanya 86,928 calon terlibat dan meningkat seramai 301 calon pada tahun ini.

"Calon di daerah Petaling Perdana dan Hulu Langat mencatatkan jumlah tertinggi

iaitu masing-masing seramai 16,840 dan 16,393 murid," katanya, semalam.

Katanya, sebanyak 790 pusat peperiksaan seluruh Selangor dibuka.

"Seramai 5,789 pengawas dan 790 ketua pengawas ditugaskan di semua pusat peperiksaan berkenaan.

"Bagi Gred Purata Negeri (GPN), kami menyasarkan sebanyak 2.18 bagi 2016. Tahun lepas, GPN yang diperoleh adalah 2.23," katanya.

Mohd Salleh berkata, semua calon juga diminta sentiasa bersedia sepanjang tempoh peperiksaan dijalankan.

| | | | |
|------------|--|-------------|---------------------|
| Headline | Mahathir, Anwar bertemu selepas 18 tahun | | |
| MediaTitle | Harian Metro | | |
| Date | 06 Sep 2016 | Color | Full Color |
| Section | Setempat | Circulation | 1,270,667 |
| Page No | 22 | Readership | 3,812,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 286 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 11,267 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 33,800 |



Kuala Lumpur: Selepas 18 tahun tiga hari tidak 'ber-tentang mata', Tun Dr Mahathir Mohamad akhirnya bersua muka dengan bekas Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim di Mahkamah Tinggi, semalam.

Pertemuan itu menarik perhatian ramai apabila Mahathir muncul bersama Menteri Besar Selangor Datuk Seri Mohamed Azmin Ali pada pendengaran permohonan Anwar yang memohon pelaksanaan Majlis Keselamatan Negara 2016 (MKN).

Anwar dilihat bersalaman dengan Mahathir yang duduk di galeri awam mahkamah sebaik saja bekas Ketua Pembangkang itu tiba dengan diiringi pegawai penjara.

Ketika ditemui di luar mahkamah, Mahathir berkata, beliau hadir kerana berminat dengan kes berkenaan yang membabitkan keselamatan negara selain ia telah diulas di blog beliau.

Dalam pertemuan kira-kira 20 minit di bilik saksi beliau berkata, mereka hanya berbincang mengenai kes itu, namun tiada sebarang perkara la-

Mahathir, Anwar bertemu selepas 18 tahun



DR Mahathir bersama Anwar di Mahkamah Rayuan Kuasa-Kuasa Khas, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, semalam.

ma dibangkitkan.

Bagaimanapun, beliau menafikan kehadirannya itu sebagai tanda sudah berdamai dengan Anwar.

"I'm not making peace with him (Saya bukan mahu

berdamai dengan beliau)," katanya.

Menjawab soalan adakah beliau menyokong sekiranya Anwar dipilih menjadi pemerintah-negara pada masa akan datang, Mahathir ha-

nya menjawab 'ia terlalu awal.'

Dalam pada itu Anwar ketika ditemui wartawan berkata, dalam pertemuan itu, beliau melahirkan penghargaan terhadap kesudian Ma-

hathir untuk hadir dan menyokong kes saman dike-mukakannya.

"Beliau mendoakan keja-yaan dan kesihatan saya. Kami akan terus berhubung," katanya.

Anwar dipecat daripada jawatannya sebagai Timbalan Perdana Menteri pada ta-hun 1998.

Sementara itu, Mahkamah Tinggi menetapkan 14 Okt-ober ini untuk hujahan lan-jut pihak berkenaan permohonan Anwar.

Tarikh itu ditetapkan Ha-kim Datuk Hanipah Farikul-lah pada prosiding di dalam kamar dengan dihadiri An-war selaku plaintif yang di-wakili peguam N Surendran dan Latheefa Koya serta Pe-guam Kanan Persekutuan Datuk Amarjeet Singh yang mewakili kerajaan dan MKN selaku defendant.

Amarjeet Singh ketika di-temui media berkata, dalam bantahan awal pihaknya, beliau berhujah bahawa Mahkamah Tinggi tidak mempunyai bidang kuasa untuk mendengar permoh-onan itu.

Pastikan rumah, persekitaran bebas aedes

Klang: Majlis Perbandaran Klang (MPK) menasihatkan penduduk Ambang Botanic, dekat sini, sentiasa memastikan kediaman termasuk kawasan luar rumah 'bebas' daripada tempat pembiakan nyamuk aedes.

Hasil pemeriksaan bersama Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Klang di taman perumahan didiami wanita yang positif dijangkiti virus Zika minggu lalu menemui 15 tempat pembiakan nyamuk, semalam.

Pengarah Jabatan Kesihatan MPK Azmi Muji berkata,

pemantauan mendapati antara lokasi pembiakan nyamuk ialah di pasu bunga dan tin kosong di sekitar rumah penduduk.

"Ia menunjukkan bahawa walaupun kawasan dalam rumah bersih, penduduk perlu memeriksa persekitaran luar rumah kerana ia berpotensi menjadi lokasi pembiakan nyamuk terutama di tempat air bertakung.

"Ia terbukti apabila kita dan PKD menemui 15 tempat pembiakan yang dikhawatir mengundang kepada wabak denggi," katanya.



PENYEMBUR nyamuk diedarkan kepada penduduk pada Program Gotong-Royong Kebersihan di Ambang Botanic, Klang.

| | | | |
|------------|---|-------------|---------------------|
| Headline | Kemelut FAS rugikan bola sepak Selangor | | |
| MediaTitle | Utusan Malaysia | Color | Full Color |
| Date | 06 Sep 2016 | Circulation | 171,663 |
| Section | Sukan | Readership | 563,000 |
| Page No | 38 | ArticleSize | 174 cm ² |
| Language | Malay | AdValue | RM 3,439 |
| Journalist | N/A | PR Value | RM 10,317 |
| Frequency | Daily | | |



Kemelut FAS rugikan bola sepak Selangor

SHAH ALAM 5 Sept. - Tindakan Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali yang dilihat seolah-olah tidak bersungguh-sungguh untuk menyelesaikan kemelut dalaman Persatuan Bolasepak Selangor (FAS) hanya akan membantutkan perkembangan sukan itu di negeri ini.

Pengerusi Kelab Sukan dan Rekreasi Parlimen Tanjung Karang, Maruwan Ahmad berkata, sikap sedemikian seperti menunjukkan yang Mohamed Azmin tidak serius mahu memajukan bola sepak tempatan.

Sehubungan itu jelasnya, adalah lebih baik Mohamed Azmin berundur dan menyerahkan tumpuk kepimpinan FAS kepada individu yang lebih layak dan boleh memberi komitmen 100 peratus.

"Jika mesyuarat exco FAS pun payah nak hadir, apa lagi nak buat perancangan. Lebih baik berundur dan beri ruang kepada orang lain.

"Kemelut yang melanda pengurusan FAS kini semakin meruncing sehingga menjelaskan prestasi pasukan.

"Jika dibiarkan lebih lama, dibimbangi akan menjadi semakin parah dan pasukan Red Giants yang menjadi kebanggaan rakyat Selangor 'berkubur'," katanya ketika dihubungi Utusan Malaysia di sini, hari ini.

Semalam, beberapa persatuan penyokong Red Giants berharap FAS ditransformasi bermula dengan pengunduran Mohamed Azmin dan melantik Raja Muda, Tengku Amir Shah menggantikannya.

Maruwan dalam pada itu turut menyokong supaya FAS melakukan perubahan menyeluruh termasuk melantik Tengku Amir sebagai Presiden FAS.

"FAS kini memerlukan satu perubahan menyeluruh termasuklah pengurusan dan pemain.

"Saya yakin Tengku Amir adalah orang yang paling tepat untuk menjadi Presiden FAS dan biarkanlah Mohamed Azmin berpolitik sahaja.

"Kami sebagai penyokong sentiasa menantikan kemenangan Red Giants dan sanggup berhabis-habisan untuk menyaksikan perlawanan mereka di seluruh negara, tetapi kesabaran kami ada batasnya," ujarnya.

Sementara itu, menurut sumber bekas Presiden FAS, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim bakal mengadakan pertemuan dengan beberapa individu daripada badan induk bola sepak tersebut esok bagi membincangkan kemelut yang dihadapi oleh mereka.

"Tan Sri akan mengadakan perjumpaan dengan beberapa individu esok," kata sumber tersebut.



| | | | |
|------------|--|-------------|---------------------|
| Headline | New PPR sites, parks must install insect traps | | |
| MediaTitle | New Straits Times | | |
| Date | 06 Sep 2016 | Color | Full Color |
| Section | Local News | Circulation | 74,711 |
| Page No | 1,3 | Readership | 240,000 |
| Language | English | ArticleSize | 538 cm ² |
| Journalist | AINA NASA | AdValue | RM 18,474 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 55,422 |




ZAPPING ZIKA

DEVELOPERS of People's Housing Projects have been told to immediately deploy insect traps at construction sites to stem the spread of Zika. Those who do not comply risk losing their licence.

→ REPORT ON PAGE 3

New PPR sites, parks must install insect traps

PREVENTION: Move will curb breeding of mosquitoes, says Noh

AINA NASA

PETALING JAYA

news@nst.com.my

EFFECTIVE immediately, all construction sites of new People's Housing Projects and landscaping sites in public parks

must install insect traps.

Urban Wellbeing, Housing and Local Government Minister Tan Sri Noh Omar said the move was nec-

essary to curb the breeding of mosquitoes that caused diseases such as dengue and Zika. "We have the Destruction of Dis-

| | | | |
|------------|--|-------------|---------------------|
| Headline | New PPR sites, parks must install insect traps | | |
| MediaTitle | New Straits Times | | |
| Date | 06 Sep 2016 | Color | Full Color |
| Section | Local News | Circulation | 74,711 |
| Page No | 1,3 | Readership | 240,000 |
| Language | English | ArticleSize | 538 cm ² |
| Journalist | AINA NASA | AdValue | RM 18,474 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 55,422 |

disease-bearing Insects Act (1975) in place. Under Section 2 of the law, actions can be taken to overcome problems caused by disease-bearing insects.

"Developers who do not comply with this ruling of setting up insect traps will be punished or have their licences suspended."

"These areas, which are new housing development areas and recreational parks undergoing upgrading, have been identified as mosquito-breeding locations," he said during his visit to Taman Medan Cahaya here yesterday.

Local authorities, he said, had to enforce the setting up of insect traps in housing construction sites.

Local authorities would be issued circulars that require them to report the efforts to prevent the spread of dengue and Zika.

"We gave an allocation of RM8.2 million to local authorities. So, these allocations must be followed up with feedback on the situation."

"For existing projects, we will issue reminders to set up the insect traps as well."

"What must be made known is that all costs will be borne by the developers and not by residents."

Asked why Selangor had many rubbish and development sites prone to mosquito-breeding insects, Noh said this was because the state government did not enforce Act 672,

or the Solid Waste and Public Cleansing Management Act 2007.

"Selangor can be said to be the state most prone to dengue and Zika because the state government does not want to enforce Act 672."

He said this prevented waste-management company Alam Flora from carrying out its duties in the state.

"They are not allowed to carry out their duty and the state government has chosen its own contractor, which costs more than Alam Flora."

Noh was visiting Taman Medan Cahaya, a housing area owned by Suruhanjaya Perumahan Negara Bhd, to announce an allocation of RM1 million to upgrade its field and conduct repairs on elevators and damage to other infrastructure.

He announced the formation of a National Blue Ocean Strategy committee to look into problems faced by residents in the area.



Fogging being carried out in Bukit Tinggi, Klang, yesterday. Pic by Faiz Anuar

VALUATOR

| Company(Brand) | Mention | Tone | ROI |
|---|---------|------|------|
| Ministry of Urban Wellbeing, Housing and Local Government (Ministry | 1 | 0 | RM 0 |

GIST(ENGLISH)

EFFECTIVE immediately, all construction sites of new Peoples Housing Projects and landscaping sites in public parks must install insect traps.

| | | | |
|------------|---------------------------------------|-------------|---------------------|
| Headline | Pledge to extend conservation efforts | | |
| MediaTitle | The Star | | |
| Date | 06 Sep 2016 | Color | Full Color |
| Section | Metro | Circulation | 338,368 |
| Page No | 8 | Readership | 1,032,000 |
| Language | English | ArticleSize | 636 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 32,007 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 96,021 |



Pledge to extend conservation efforts

